

Tun M janji undur sebelum PRU-15

PM perjas perlu selesai banyak perkara dalam tempoh tiga tahun

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan beliau akan melepaskan jawatan Perdana Menteri sebelum Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang.

Penegasan itu dibuat Perdana Menteri pada dialog anjuran Majlis Hubungan Luar (CFR) Amerika Syarikat (AS) di New York.

Majlis dialog itu adalah program sampingan beliau yang dalam rangka lawatan kerja lima hari ke AS serentak Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA).

“Saya bekerja 18 jam sehari kerana saya tidak mempunyai banyak masa. Saya janji akan

berundur sebelum PRU akan datang dan memberi laluan kepada calon lain. Jadi, saya mungkin ada lagi tiga tahun paling lama.

“Dalam tempoh tiga tahun itu, saya perlu menyelesaikan banyak perkara,” kata Dr Mahathir yang mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia ketujuh pada 10 Mei tahun lalu.

Pelantikan Dr Mahathir yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) dan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), mencatat sejarah kerana ia kali kedua beliau menjadi Perdana Menteri selepas memegang jawatan sama selama 22 tahun

***"Saya janji
akan berundur
sebelum PRU akan
datang dan memberi
laluan kepada calon
lain. Jadi, saya
mungkin ada
lagi tiga tahun
paling lama.***

***Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri***



bermula 16 Julai 1981.

Dr Mahathir yang menang di kerusi Parlimen Langkawi, menerajui kejayaan PH menewaskan Barisan Nasional (BN) selepas memenangi 113 daripada 222 kerusi Parlimen pada PRU-14.

Mandat kerajaan PH akan berlarutan hingga 2023, sekali gus menyaksikan PRU-15 bakal diadakan pada atau sebelum itu.

Dr Mahathir sebelum ini menyatakan beliau akan berundur selepas dua tahun menjadi Perdana Menteri untuk peralihan kuasa kepada Ketua Umum PH merangkap Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dalam wawancara bersama wartawan CNBC, Tanvir Gill di Bangkok, Thailand pada Jun lalu, Perdana Menteri menegaskan bahawa beliau akan menyerahkan jawatannya kepada Anwar dalam tempoh tiga tahun.

Bagaimanapun pada minggu lalu, Anwar memberitahu Bloomberg Television bahawa beliau menjangka mengambil alih tampuk pentadbiran negara sekitar tahun depan biarpun belum ada tarikh tepat.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu juga dilaporkan berkata, peralihan kuasa yang akan menyaksikan beliau dilantik sebagai Perdana Menteri kelapan, dijangka pada 2020.